

TAMU azam baru

OLEH NOOR HIDAYAH SHAFIQ
FOTO SHAHRIL AZMAN ZAIN & ROZELI
PERIBADI DATUK DR. AZIZAN



Richworks®

RICHWORKS GROUP OF COMPANIES

www.richworks.com

SABAN TAHUN RAMAI YANG MEMASANG AZAM MENGUBAH KEHIDUPAN MENJADI LEBIH BAIK DALAM SEGALA ASPEK. TIDAK TERKECUALI IMPIAN TURUT DISASARKAN UNTUK MEMAJUKAN DIRI MENERUSI PERNIAGAAN.

FORMULA BERGELAR JUTAWAN CARA DR. AZIZAN

SIKAP
RAGU-RAGU
ITU
MEMBUNUH
KEBERANIAN

Pernah menguruskan portfolio pengiklanan dan pemasaran ribuan syarikat industri kecil & sederhana (IKS) serta organisasi. Antaranya, Telekom Malaysia (TM), Digi, Celcom, Maxis, HSBC, Standard Chartered, WWF, Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan banyak lagi.

Mengambil kira peredaran aliran perniagaan terkini yang lebih terarah kepada bisnes atas talian, ramai mengambil peluang bergelar usahawan melalui kaedah ini.

Pun begitu, bukan mudah untuk mengekalkan momentum perjalanan sesebuah bisnes. Apatah lagi, andai ia terbina tanpa didasari ilmu perniagaan yang berstrategi serta mantap.

Justeru, berkongsi rahsia untuk bergelar usahawan berjaya dan sekali gus menjadi jutawan pada tahun baru 2016, tokoh motivasi perniagaan berprofil tinggi, Dr. Azizan Osman menggariskan kriteria penting menerusi formula ciptaannya, M.E.S.T.I (mentor, ELMU=emosi+ilmu, sistem atau strategi, tindakan dan impian). Ibarat pemangkin kepada sebuah bisnes sukses dan cemerlang, formula ini perlu diteladani oleh semua usahawan.

"Tidak dinafikan ramai yang mahu bergelar usahawan. Tetapi malangnya banyak perniagaan tidak mampu bertahan lama.

"Sebenarnya untuk berniaga, perlu ada pelan tindakan yang tepat. Bagi saya, lima tip sukses, M.E.S.T.I. amat penting.

"Daripada singkatan ini, huruf M membawa istilah mentor yang berperanan memberi tunjuk ajar dan panduan. Antara ciri mentor terbaik adalah berjaya dalam bidangnya serta berkemampuan memberi tunjuk ajar kepada orang lain. Dalam waktu sama, dia juga sudah memiliki anak murid berjaya seperti saya.

"Selain perlu mengikuti kelas-kelas bimbingan yang disediakan oleh mentor, sebaiknya lakukan penyiasatan terhadap kredibiliti mentor tersebut terlebih dahulu. Caranya adalah dengan melakukan sedikit kajian mengenai mentor anda di laman sosial bagi mengelakkan diri daripada ditipu.

"ELMU adalah gabungan di antara emosi dan ilmu. Jika pandai berurusan dengan emosi manusia

berserta ilmu yang ada, Insyallah anda mampu menjadi pengusaha berjaya dan menawan peribadi pelanggan.

"Sistem pula merujuk kepada cara untuk melaksanakan urusan mencapai kejayaan. Sebagai contoh jika berimpian untuk sukses dalam perniagaan, perlu tahu sistem untuk berniaga, prosedur melayan pelanggan dan menghasilkan produk serta lain-lain. Apa yang penting, perlu bijak memilih sistem terbaik untuk melancarkan tindakan.

"Manakala T merupakan tindakan bagi menjamin kejayaan. Maka sebab itu, kepantasan diperlukan supaya idea menggapai kejayaan tidak dicitrak oleh orang lain.

"Akhir sekali adalah huruf I yang membawa makna impian. Biar pun impian boleh datang dalam pelbagai rupa bentuk, kehadirannya akan bertindak sebagai daya tolak yang kuat bagi hidup lebih baik daripada sebelumnya." ujarnya yang sempat menitip pesan buat individu yang ingin berjaya supaya terus menanti Mentor, mendalami Elmu, mempelajari Sistem dan Strategi terbaik selain teruskan merenung poster impian. Insyallah dalam waktu terdekat impian tersebut akan menjadi kenyataan.

Istiqamah Lahir Jutawan Usahawan

Berbicara perihal azam tahun baru, mentor kepada lebih 662,000 orang usahawan ini menyatakan ingin terus komited melahirkan jutaan usahawan sukses di seluruh rantau Asia.

"Bukan mudah mendaki tangga kejayaan. Sebab itu saya berazam untuk terus membantu bangsa sendiri dengan ilmu yang dimiliki. Tekad ini saya bentuk bukan semata-mata bersempena tahun baru yang menjelang tiba tetapi lebih terarah untuk membantu insan lain khasnya bangsa sendiri.



Lelaki hebat ini sedang giat menjalankan perniagaan hartanah. Bakal membangunkan kondominium mewah di sekitar Shah Alam, projek bawanya itu bernilai lebih RM350 juta.

"Oleh itu, saya akan terus memantapkan program bimbingan dalam talian untuk bakal usahawan yang ada di dalam negara. Dalam masa membangunkan usahawan dalam talian alibaba.com.

"Saya juga sedang giat merancang menubuhkan pusat latihan dalam talian di peringkat Asia yang merangkumi Brunei dan Indonesia dengan menggunakan 45 bahasa pengantar.

"Jika diizinkan Tuhan, saya turut bercita-cita membuka sebuah Kolej Universiti berteraskan bisnes di Seksyen 7, Shah Alam. Alhamdulillah, segala proses perancangan sudah berada di peringkat akhir pembinaan. Insya-Allah penghujung Januari nanti, kolej ini akan dibuka secara rasmi," katanya yang akan mempergiatkan usaha bagi membantu keluarga kurang bernasib baik di bawah projek Rich Well, projek 1 roof 1 box.

Tambah Dr. Azizan lagi, melalui perubahan itu beliau akan menyalurkan dana kewangan selain membantu memberi latihan keusahawanan agar penerima bantuan dapat mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik.

Turut memfokuskan penerbitan penjualan buku-buku keusahawanan di Indonesia, hasrat itu dilaksanakan demi membantu mengubah bakal usahawan di sana menjana pendapatan ke tahap lebih tinggi.



5 Inti Pali Penting

Bicara Pengasas merangkap Pengertusi Eksekutif RICHWORKS GROUP OF COMPANIES dan AZIZAN OSMAN INTERNATIONAL (S) Ptd. Ltd., ini lagi, dalam kehidupan ini bukan segala-galanya. Sebagai seorang Muslim, kehidupan sejahtera perlu memegang lima inti pali penting dalam hidup.

"Saya suka berpesan kepada anak didik, setiap apa yang kita miliki adalah anugerah Allah. Sebagai tanda kesyukuran

terhadap anugerah-Nya, kita hendaklah menunaikan solat dengan sempurna.

"Bagi menzahirkan rasa kasih kepada Allah s.w.t., ringankan mulut untuk mengucapkan zikir. Tidak ketinggalan selawat dan salam turut dititipkan buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

"Seterusnya, menjaga silaturahim sesama manusia. Melalui jalinan ukhuwah yang erat, Allah akan lebih mengasihai kita. Dan akhir sekali banyak bersedekah kerana more you give more you get. Kuasa sedekah sangat besar, dan ia akan melipatgandakan rezeki kita," akui Azizan juga percaya doa serta restu ibu bapa amat penting dalam menentukan kejayaan seseorang, dan secara tidak langsung, perbuatan mendahulukan orang tua ini akan menjemput redha Ilahi.

Bercinta dengan Pencipta

Menyentuh rejim penjagaan kesihatan, Azizan menekankan emosi tenang. Menjadi rutin hariannya bangun seawal pukul 4.00 pagi, beliau mencuri masa bercinta dengan Sang Pencipta abadi.

"Saya amalkan tiga solat sunat iaitu taubat, witr dan tahajud sebelum solat Subuh berjemaah. Selepas itu saya luang sedikit waktu untuk belajar mengaji dengan ustaz melalui skype. Perkongsian saya ini bukan bertujuan untuk bermegah diri, ia sekadar perkongsian untuk insan lain sebagai satu inspirasi.

"Rutin seterusnya saya akan ke gym untuk bersenam selama tiga jam. Amalan ini ibarat terapi mustajab untuk keseimbangan duniawi dan akhirat. Tidak ketinggalan, penjagaan pemakanan harian turut dititikberatkan. Maklum sahajalah, apabila usia sudah melangkaui empat series, penyakit tiga serangkai seperti masalah jantung, darah tinggi dan kencing manis senang menyinggahi, ujarnya yang sempat meluahkan azam baru untuk tampil sihat dengan berat sasaran 75 sehingga 85 kilogram menjelang Jun 2016 nanti.